

## Kesal ada pihak cuba halang dialog

**S**AYA merujuk kepada surat undangan terbuka majlis dialog yang dirancang berlangsung hari ini (16 Mac), di Kelab Masyarakat Kampung Kembangan.

Majlis itu kini dibatalkan atas beberapa sebab keselamatan dan nasihat dari pihak berwajib serta pihak kelab.

Saya rasa sedih dan kesal

atas tindakan beberapa pihak yang berjaya menghalang usaha ini. Namun, saya amat berharap agar golongan itu kelak akan mengambil tindakan untuk melaksanakan harapan saya demi kita diberikan peluang untuk berkumpul dan meluahkan isi hati dengan penuh kejujuran dengan tujuan memberikan pandangan serta jalan kepa-

da pihak pengurus yang bertanggungjawab, iaitu Persisi, akan ehwal perkembangan persilatan yang membina.

Marilah kita sama-sama menghindarkan dunia silat tanahair dilanda "badai". Saya tidak menuduh, tetapi saya percaya ada pihak-pihak tertentu cuba mengambil kesempatan mengukucar-kacirkan keadaan.

Malah saya berharap jika majlis dialog ini terlaksana, dapat saya bertemu muka dengan pengirim surat ugutan untuk diri saya itu. Mohon maaf kerana menyinggung perasaan. **SALAM RAKYAT**

Semoga Allah s.w.t merahmati kerukunan kita.

**Zulkarnain Noordin**  
Jurulatih silat

Atamalkan semua surat anda beserta nama penuh, alamat dan nombor telefon, jika ada, kepada:

Pendapat Anda  
Berita Harian  
Times House  
390, Kim Seng Road  
Singapura 0923.

Tunggu kata putus Mansoc

B. Minggu (M)

## Pesaka gelisah

17 MAR 1991

Oleh RAHIME YUSOFF

**PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) gelisah kerana belum mendapat kata putus dari Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Manila (Mansoc) bertubung penyertaan semula silat olahraga pada temasya sukan itu, November depan.**

Setiausaha Pesaka, Rahman Hassan, berkata Pesaka sudah dua kali menghubungi Majlis Olimpik Filipina (POC) di Manila, tetapi jawapan yang diberikan belum pasti.

Katanya, sebelum ini Mansoc berjanji akan memberi keputusan itu selawat-lewatnya akhir bulan lalu.

Menurutnya, janji Mansoc itu dibuat sewaktu rombongan

Pesaka yang diketuai oleh Presiden, Tan Sri Haji Muhamad Haji Muhd Taib, mengadakan perbincangan dengan POC di Manila pada pertengahan Februari lalu.

Rahman berkata, Pesaka tidak akan berdiam diri dalam memperjuangkan hak silat olahraga agar disenaraikan pada Sukan SEA nanti.

"Kami akan terus menghubungi POC bagi mengetahui perkara ini. Jawapan itu memang kami tunggu bagi memudahkan Pesaka membentuk skuad kebangsaan," katanya.

Beliau berkata, Pesaka akan mengadakan latihan pusat selama dua bulan mulai September depan sebagai persediaan ke Sukan SEA.



Katanya, ini kerana pesilat terbaik pada Kejuaran Kebangsaan di Alor Star, Ogos depan akan dipilih menyertai latihan pusat Sukan SEA itu.

Begitupun, kata Rahman: "Kami masih ragu bagaimana nasib silat sama ada diterima atau tidak. Ini yang memeningkan Pesaka."